



جایگزین کلمه شریعتی در جوه

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (40)
Takwim : 14 Safar 1446H
Tarikh : 19 Ogos 2024

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 3 TAHUN 2024**

**Penggunaan Sampul Surat bagi Penyampaian Saman atau Dokumen
Mahkamah dalam Kes *Mal***

Saya ingin menarik perhatian YA Tuan/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis Hakim-hakim Syarie Negeri Johor Bil. 3/2023 bertarikh 19 Disember 2023 bersamaan 24 Zulhijjah 1444H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Penggunaan Sampul Surat bagi Penyampaian Saman atau Dokumen Mahkamah dalam Kes *Mal* sebagaimana berikut:-

1. Pegawai Mahkamah atau mana-mana orang lain yang melaksanakan penyampaian saman atau dokumen Mahkamah hendaklah mengenal pasti identiti penerima dengan memeriksa kad pengenalan atau apa-apa dokumen pengenalan dirinya.
2. Apa-apa saman atau dokumen Mahkamah dalam Kes *Mal* yang hendak disampaikan secara ke diri hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat. Nama penerima saman atau dokumen itu hendaklah ditulis di bahagian luar sampul surat dan sampul surat tersebut hendaklah dilekatkan.
3. Arahan amalan ini tidak terpakai kepada penyampaian ganti. Penggunaan sampul surat bagi penyampaian ganti adalah tertakluk kepada perintah Hakim Bicara di bawah seksyen 48 (1) Enakmen Tatacara *Mal* Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 September 2024.



(DATO' HAJI MUHAMMAD KHALID BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor

5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
 6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
 7. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan
 8. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor
-